



KETUA EKSEKUTIF
CHIEF EXECUTIVE
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
Skills Development Fund Corporation
Kementerian Sumber Manusia
Ministry of Human Resources
Pejabat Ketua Eksekutif
Aras 27, Menara Dato' Onn
Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)
No. 45, Jalan Tun Ismail, 50530 Kuala Lumpur.



Telefon : 03-4047 6008
Faks : 03-4047 6108
Laman Web : www.ptpk.gov.my
E-mel : skillsfund@ptpk.gov.my

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Ruj. Kami : PTPK.P&P.100-1/4/1 (13)

Tarikh : 26 Oktober 2020

Pengarah Eksekutif / Pengarah / Pengurus Penyedia Latihan Berdaftar dengan PTPK

Salam Kemahiran,

YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

PELAKSANAAN SEMULA PINJAMAN LATIHAN KEMAHIRAN DI BAWAH SKIM PINJAMAN PEKERJA DENGAN PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN BAGI TAHUN 2021

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) Bilangan 6 Tahun 2020 yang bersidang pada 12 Oktober 2020 telah bersetuju untuk melaksanakan semula pinjaman latihan kemahiran di bawah **Skim Pinjaman Pekerja bagi tahun 2021** dengan menggunakan **Dana Pusingan (*revolving fund*)** iaitu bayaran balik pinjaman latihan kemahiran yang dikutip di bawah Skim ini.

3. Sehubungan dengan itu, mana-mana Penyedia Latihan (PL) yang ingin berdaftar sebagai PL baharu atau membuat pembaharuan pendaftaran PL di bawah Skim ini boleh mengemukakan permohonan mulai **1 November**

Muka 1 dari 3

(Sila Catatkan Rujukan Jabatan Ini Apabila Menjawab)

2020. Ini merupakan salah satu usaha PTPK untuk membantu golongan pekerja yang kehilangan pekerjaan semasa pandemik Covid 19 dengan memberi peluang kepada golongan pekerja untuk melanjutkan pengajian di dalam bidang kemahiran untuk meningkatkan kemahiran diri (*reskilling, upskilling* atau *multi-skilling*), sekaligus mendapat peluang pekerjaan yang lebih baik dan gaji yang setimpal dengan kelayakan kemahiran yang dimiliki.

4. Syarat-syarat permohonan pendaftaran PL baharu dan pembaharuan pendaftaran PL di bawah Skim ini adalah sama dengan skim-skim lain yang dibiayai oleh PTPK. Perkara utama yang perlu diberikan perhatian adalah program yang ingin dijalankan mestilah program **Persijilan Kemahiran Malaysia dan telah ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).**

5. Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini, YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan boleh menghubungi Encik Syafry Noor bin Sabaruddin di talian 03-4047 6189 atau e-mel syafry@ptpk.gov.my atau Encik Zahrim bin Mohd Sarim di talian 03-4047 6180 atau e-mel zahrim@ptpk.gov.my untuk maklumat lanjut.

6. Segala perhatian dan kerjasama yang YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan berikan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pekerja Dan Cabaran Budaya Norma Baharu”

Saya yang menjalankan amanah,



(MUSTAFA BIN ALI)

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran

Kementerian Sumber Manusia

Salinan Kepada:

- i. Semua Pengurus Besar dan Ketua Bahagian, PTPK

- ii. Fail Mesyuarat Lembaga Pengarah PTPK